A

PP lwn. SUHARDI IDRIS

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOHTARUDIN BAKI HMR
TENGKU MAIMUN HMR
ABDUL RAHMAN SEBLI HMR
B [RAYUAN JENAYAH NO: B-05-304-12-2013]
10 MAC 2015

C ***UNDANG-UNDANG JENAYAH:*** *Akta Dadah Berbahaya 1952 – Seksyen 39B(2) – Pengedaran 48.6 gram heroin dan 21.8 gram monoacetylmorphines – Pengakuan bersalah atas pertuduhan alternatif di bawah s. 12(2) – Peruntukan hukuman di bawah s. 39A(2) – Sama ada hukuman yang dijatuhkan setimpal*

D ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman – Kesetimpalan – Pengedaran 48.6 gram heroin dan 21.8 gram monoacetylmorphines – Hukuman tujuh tahun penjara dan sepuluh sebatan – Sama ada kesan pencegahan dan kepentingan awam diberi kepentingan – Sama ada hukuman mengikut trend kes terdahulu – Sama ada kesalahan serius – Sama ada hukuman yang dijatuhkan setimpal – Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39A(2)*

E ***PROSEDUR JENAYAH:*** *Hukuman – Rayuan terhadap hukuman – Faktor-faktor mitigasi – Sama ada hakim bicara terlalu memberi penekanan kepada kepentingan peribadi responden – Sama ada campur tangan rayuan adalah wajar*

Responden pada awalnya telah dipertuduh atas kesalahan mengedar 70.4g dadah berbahaya iaitu 48.6g heroin dan 21.8g monoacetylmorphines, satu kesalahan yang membawa kepada hukuman mati mandatori di bawah
F s. 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('Akta'). Sebelum perbicaraan bermula, Pendakwa Raya telah menawarkan pertuduhan alternatif di bawah s. 12(2) Akta yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama. Seksyen 39A(2) memperuntukkan hukuman minimum penjara lima tahun dan maksimum penjara seumur hidup serta sebatan mininum sebanyak
G sepuluh kali terhadap responden. Berikutan pengakuan salah responden, Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman penjara selama tujuh tahun bermula dari tarikh tangkap berserta sepuluh kali sebatan. Dengan merujuk kepada kes-kes terdahulu yang menunjukkan trend hukuman, Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') menghujahkan bahawa hukuman penjara tujuh tahun
H adalah terlalu rendah dan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Dihujahkan selanjutnya bahawa Mahkamah Tinggi gagal mengambil kira kepentingan awam. Oleh itu, rayuan ini.

Diputuskan (membenarkan rayuan; mengenepikan hukuman Mahkamah Tinggi dan menggantikannya dengan 15 tahun penjara dari tarikh
I **tangkap)**
Oleh Tengku Maimun HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Mengambil kira tempoh pemenjaraan yang diperuntukkan di bawah s. 39A(2) Akta, fakta kes dan juga hukuman yang telah dijatuhkan bagi kes-kes yang serupa, hukuman penjara tujuh tahun yang dijatuhkan oleh

Mahkamah Tinggi adalah kurang sesuai dan 'manifestly inadequate'. Faktor ini membolehkan Mahkamah Rayuan campur tangan dalam hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi. (perenggan 11)

(2) Hakim bicara terlalu memberi penekanan kepada kepentingan peribadi responden tanpa mempertimbangkan bahawa kepentingan awam menuntut agar kesalahan yang dilakukan oleh responden dikenakan hukuman berbentuk 'deterrent' berbanding 'reformation' atau 'rehabilitation'. Tambahan lagi, dadah berbahaya dalam kes ini adalah 48.6g heroin dan 21.8g monoacetylmorphines, di mana berat heroin tersebut adalah sepuluh kali lebih besar daripada berat minimum yang diperuntukkan di bawah s. 39A(2) Akta. Walaupun Hakim Mahkamah Tinggi menyebut tentang berat dadah berbahaya dalam alasan penghakimannya, beliau gagal memberi pertimbangan sewajarnya kepada berat dadah, khususnya berat heroin. (perenggan 12 & 13)

***English** Translation Of Headnotes*

The respondent was initially charged for the offence of trafficking in 70.4g of dangerous drugs comprising 48.6g of heroin and 21.8g of monoacetylmorphines, an offence that attracts the mandatory death penalty under s. 39B(2) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA'). Before the commencement of the trial, the prosecution preferred an alternative charge for an offence under s. 12(2) of the DDA punishable under s. 39A(2) of the same act. Section 39A(2) carries a sentence of life imprisonment or to a minimum of five years with a minimum of ten strokes of whipping. As a result of the appellant's guilty plea, the High Court imposed a sentence of ten years imprisonment from the date of arrest and ten strokes of whipping against the appellant. Referring to previous cases in regards to the trend of sentencing, the Deputy Public Prosecutor ('DPP') submitted that the sentence imposed was manifestly inadequate and did not commensurate with the offence committed. It was also argued that the High Court had failed to give due consideration to public interest. Hence, the present appeal.

Held (allowing appeal; setting aside sentence imposed by the High Court and substituting it with 15 years imprisonment from the date of arrest) Per Tengku Maimun JCA delivering the judgment of the court:

(1) Taking into account the duration of imprisonment provided under s. 39A(2) of the DDA, the facts of the case and the sentence imposed in similar cases, the sentence of ten years imprisonment imposed by the High Court was inappropriate and 'manifestly inadequate'. This factor allowed the Court of Appeal to interfere with the sentence imposed by the High Court.

(2) The trial court had given too much emphasis on the personal mitigating factors of the respondent without considering that public interest demanded such offence committed by the respondent to be imposed with a sentence in the form of 'deterrent' as compared to 'reformation' or

A 'rehabilitation'. In addition, the dangerous drugs involved in this case were 48.6g of heroin and 21.8g of monoacetylmorphines, where the weight of the heroin was ten times greater than the minimum weight prescribed under s. 39A(2) of the DDA. Although the High Court Judge had mentioned the weight of the drugs in his grounds of judgment, he
B had failed to give due consideration to the weight of the drugs, in particular the weight of the heroin

Kes-kes yang dirujuk:
Chang Liang Sang & Ors v. PP [1982] CLJ 399; [1982] CLJ (Rep) 74 FC ***(dirujuk)***
Lim Yoon Fah v. PP [1970] 1 LNS 66 HC ***(dirujuk)***
C *PP v. Mohamed Nor & Ors [1985] 1 LNS 170* ***(dirujuk)***
Tia Ah Leng v. PP [2004] 4 CLJ 77 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 12(2), 39A(2), 39B(2)
Penal Code, ss. 392, 397

D *Bagi pihak perayu - Intan Nur Hilwani Mat Rifin; TPR*
Bagi pihak responden - Ahmad Faiz Munawar (Diar Isda Yazmin bersamanya); T/n Yacob & Rakan-Rakan

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Shah Alam; Perbicaraan Jenayah No: 45A-230-2010]

E *Dilaporkan oleh Sandra Gabriel*

PENGHAKIMAN

Tengku Maimun HMR:

F **[1]** Ini adalah rayuan Pendakwa Raya terhadap hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam ke atas tertuduh/responden.

[2] Responden pada awalnya telah dituduh bagi kesalahan mengedar 70.4g dadah berbahaya (48.6g heroin dan 21.8g monoacetylmorphines), suatu kesalahan yang membawa hukuman mati mandatori di bawah s. 39B(2) Akta
G Dadah Berbahaya 1952 (Akta tersebut).

[3] Bagaimanapun, sebelum perbicaraan bermula, Pendakwa Raya telah menawarkan pertuduhan alternatif kepada responden bagi suatu kesalahan di bawah s. 12(2) Akta tersebut yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama.

H

[4] Seksyen 39A(2) memperuntukkan hukuman minimum penjara lima tahun dan maksimum penjara seumur hidup serta sebatan minimum sepuluh sebatan.

[5] Responden mengaku bersalah di atas pertuduhan alternatif. Berikutan
I pengakuan salah itu, Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman penjara selama tujuh tahun bermula dari tarikh tangkap, 9 November 2010 dan sepuluh sebatan. Pendakwa Raya yang tidak berpuas hati dengan hukuman tersebut telah merayu kepada Mahkamah Rayuan.

[6] Di hadapan kami, dengan merujuk kepada kes-kes terdahulu untuk menunjukkan trend hukuman, Timbalan Pendakwa Raya ('TPR') yang bijaksana berhujah bahawa hukuman penjara tujuh tahun adalah terlalu rendah dan tidak berpadanan dengan kesalahan yang dilakukan oleh responden. Dihujahkan juga oleh TPR bahawa Mahkamah Tinggi gagal mengambil kira kepentingan awam dalam mengenakan hukuman penjara tersebut.

[7] Setelah menimbang hujahan pihak-pihak dan nas-nas yang dikemukakan, kami telah sebulat suara membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Berikut adalah alasan kami.

Fakta Kes

[8] Secara ringkasnya, fakta kes yang diakui benar oleh responden (eks. P23) menunjukkan bahawa sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Daerah Ampang, Selangor telah membuat serbuan terhadap rumah No. 2, Jalan Nirwana 12, Taman Nirwana, Ampang, Selangor ('rumah tersebut'). Ketika serbuan, terdapat tiga orang kanak-kanak berada di ruang tamu manakala responden berada di dalam sebuah bilik di rumah tersebut. Dadah-dadah berbahaya dijumpai di dalam bilik di mana responden berada dan juga di dalam sebuah bilik lain di rumah tersebut. Di dalam bilik lain itu, alat-alat penimbang dan juga sealer turut dijumpai.

[9] Di dalam menjatuhkan hukuman, Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana menyatakan (rekod rayuan: ms. 11-12):

> On the facts, the sentence 7 years imprisonment and 10 strokes of rattan imposed on the Accused passed by this Court taking into account of the Accused being the sole breadwinner of his family having wife and kids, a second chance should be given to him. He has already been imprison since his remand on 9.11.2010 and his plea of guilty shown his remorseful towards his mistake. The objectivity of sentencing in this case is not to punish but more so to reform. Reformation or rehabilitation is that the principle that generally finds favour in the public interest. In *Lim Yoon Fah v. PP* [1970] 1 LNS 66; [1971] 1 MLJ 37, it was said that public interest could be best served by helping the offender turn from criminal ways to honest living. ...
>
> Besides, the Court being the trial Court has the opportunity to see and examine the drugs in this case in that the Court think it should considered the total weight of the drugs, involved in this case was just 76.47 gram above the weight to be charged under s. 39A(2) DDA when its passed the sentence.
>
> Others, the Accused being first offender at the time of the commission of the offence, should be given opportunity to continue his life. The Accused plea of guilt also saved the Court time rather than went on for a full trial. In that the Court stated that the sentence on the Accused is appropriate and best served on public interest.

[10] Kami mengambil perhatian bahawa kes yang dirujuk oleh Hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana iaitu *Lim Yoon Fah v. PP* [1970] 1 LNS 66 bukanlah melibatkan dadah berbahaya tetapi merupakan kes rompakan bersenjata di bawah ss. 392 dan 397 Kanun Keseksaan.

[11] Mengambil kira tempoh pemenjaraan yang diperuntukkan di bawah s. 39A(2), fakta kes dan juga hukuman yang telah dijatuhkan bagi kes-kes lain yang serupa sebagaimana dirujuk oleh TPR, kami mendapati bahawa hukuman penjara tujuh tahun yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi adalah kurang sesuai dan 'manifestly inadequate'. Faktor ini membolehkan kami campur tangan dalam hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tinggi (lihat *PP v. Mohamed Nor & Ors* [1985] 1 LNS 170; [1985] 2 MLJ 200b).

[12] Kami juga mendapati bahawa hakim yang bijaksana terlalu memberi penekanan kepada kepentingan peribadi responden tanpa mempertimbangkan bahawa kepentingan awam menuntut kesalahan yang dilakukan oleh responden dikenakan hukuman berbentuk 'deterrent' berbanding 'reformation' atau 'rehabilitation' (lihat *Tia Ah Leng v. PP* [2004] 4 CLJ 77; [2004] 4 MLJ 249; *Chang Liang Sang & Ors v. PP* [1982] CLJ 399; [1982] CLJ (Rep) 74; [1982] 2 MLJ 231).

[13] Seterusnya, berat dadah berbahaya adalah merupakan suatu faktor yang harus diambil kira di dalam mengenakan hukuman. Dadah berbahaya yang terlibat di dalam kes ini adalah 48.6g heroin dan 21.8g monoacetylmorphines, di mana berat heroin itu hampir sepuluh kali ganda lebih besar dari berat minimum yang diperuntukkan di bawah s. 39A(2) Akta tersebut. Walaupun Hakim Mahkamah Tinggi menyebut tentang berat dadah berbahaya di dalam alasan penghakimannya, kami mendapati bahawa beliau gagal memberi pertimbangan sewajarnya kepada berat dadah, khususnya kepada berat heroin.

[14] Berdasarkan perkara-perkara di atas, kami sebulat suara membenarkan rayuan Pendakwa Raya. Kami ketepikan hukuman oleh Mahkamah Tinggi dan menggantikannya dengan 15 tahun penjara berkuatkuasa mulai tarikh tangkap.